

93 D491

U B194 AAB
MAHATHIR - BELANJAWAN

KUALA LUMPUR, 25 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELANJAWAN NEGARA 1986 YANG DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT HARI INI MENUNJUKKAN SETAKAT MANA KEUPAYAAN KERAJAAN UNTUK BERBELANJA.

+SETAKAT ITULAH YANG KITA BOLEH BUAT,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI BELANJAWAN ITU OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN MEMBENTANGKANNYA.

BELIAU BERKATA: + KERAJAAN MASIH TIDAK BOLEH BERBELANJA BANYAK MEMANDANGKAN JUMLAH DEFISIT KEWANGAN KERAJAAN MASIH \$6,000 JUTA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, KETIKA DITANYA TARIKH BELIAU AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN CUEPACS MENGENAI ISU TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM, BERKATA +MUNGKIN MINGGU DEPAN.+

BELIAU BERKATA PARA PEGAWAI DI PEJABATNYA YANG MENGURUSKAN PERJUMPAAN ITU DAN OLEH ITU BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN TARIKH SEBENAR. -- BERNAMA.

1944MST 25 10 85

do
N